

## V. KESIMPULAN DAN CADANGAN

### 5.1. Kesimpulan

Kajian ini adalah berdasarkan analisis data yang diperolehi daripada jawapan 19 responden pakar, wakil dari unsur *key stakeholders* pembangunan insan aspek sosial akhlak di Ibu Kota Jakarta dan dilengkapi dengan kajian terhadap dokumen kerajaan yang berkaitan.

Berdasarkan hasil kajian yang dijalankan, 5 (lima) kesimpulan dapat dinyatakan dalam kajian ini:

- (1) Elemen-elemen yang terkait dalam penyusunan polisi pembangunan insan pada aspek sosial akhlak di Ibu Kota Jakarta terdiri atas : fokus, matlamat (*goal*), faktor luaran, subfaktor luaran, faktor dalaman, subfaktor dalam, aktor (*stakeholders*), subaktor dan senario polisi (*policy scenario*). Pada senario polisi meliputi matlamat polisi, strategi dan program/aktiviti. Elemen-elemen tersebut menjadi pembentuk struktur hirarki penyusunan polisi pembangunan insan pada aspek sosial akhlak di Ibu Kota Jakarta.
- (2) Struktur hirarki penyusunan polisi pembangunan insan pada aspek sosial akhlak di Ibu Kota Jakarta terdiri dari 2 (dua) jenis struktur, iaitu struktur hirarki induk dan struktur hirarki bahagian. Struktur hirarki induk terdiri atas 9 (sembilan) aras yang dimulai dari aras pertama iaitu fokus dan berturutan hingga aras kesembilan adalah matlamat (*goal*), faktor luaran, subfaktor luaran, faktor dalaman, subfaktor dalam, aktor (*stakeholders*), subaktor dan hingga senario polisi. Sementara, struktur hirarki bahagian terdiri atas 3 (tiga) aras yang dimulai dari aras pertama

iaitu matlamat polisi dan berurutan hingga aras ketiga adalah strategi dan program/aktiviti.

- (3) Penyusunan polisi pembangunan insan pada aspek sosial akhlak di Ibu Kota Jakarta dipengaruhi oleh faktor luaran dan faktor dalaman. Faktor luaran terdiri atas 4 (empat) isu strategik (sesuai peringkat keberkesanan) iaitu (1) situasi dan keadaan politik yang relatif stabil dengan darjah keberkesanan 0.333, (2) situasi dan keadaan ekonomi yang belum sepenuhnya pulih dengan darjah keberkesanan 0.235, (3) situasi dan keadaan sosial budaya yang belum sepenuhnya pulih dengan darjah keberkesanan 0.224 serta (4) situasi dan keadaan teknologi maklumat dan komunikasi yang pesat dengan darjah keberkesanan 0.207. Faktor dalaman terdiri atas 3 (tiga) isu strategik (sesuai peringkat keberkesanan) iaitu (1) pengurusan program/aktiviti yang masih belum optimum dengan darjah keberkesanan 0.375, (2) standard pengaturan yang masih belum lengkap/menyeluruh dengan darjah keberkesanan 0.346 dan (3) sokongan dana, sarana prasarana yang masih belum memadai dengan darjah keberkesanan 0.279.
- (4) Institusi (dalam struktur hirarki disebut dengan istilah aktor/*stakeholders*) yang terlibat dalam pembangunan insan pada aspek sosial akhlak, termasuk dalam penyusunannya adalah terdiri atas parlimen dan kerajaan serta masyarakat. Aktor parlimen dan kerajaan terdiri atas kategori subaktor gabenor berserta kaki tangannya, penegak hukum, dan parlimen. Sementara aktor masyarakat terdiri atas organisasi masyarakat/Lembaga Swadaya Masyarakat (*Non Government Organization*)/gerakan dakwah; ulama/tokoh budaya/tokoh masyarakat; ahli akademik/pakar/pengamat; dunia keusahawanan/profesi/institusi kewangan (bank/non bank); media masa (cetak/elektronik) dan masyarakat umum.
- (5) Senario polisi yang dicadangkan pada penyusunan polisi pembangunan insan pada aspek sosial akhlak di Ibu Kota Jakarta (sesuai peringkat keberkesanan) adalah (1)

peningkatan kualiti pemahaman, penghayatan dan pengamalan agama Islam dengan darjah keberkesanan 0.413, (2) peningkatan kualiti pengurusan program/aktiviti dengan darjah keberkesanan 0.225, (3) penyediaan sarana dan prasarana mengikut keperluan dengan darjah keberkesanan 0.200, dan (4) penetapan dan penyempurnaan tata peraturan daerah dengan darjah keberkesanan 0.163.

## 5.2. Perbincangan

Hasil kajian mendapati elemen-elemen yang berkait dalam penyusunan polisi pembangunan insan pada aspek sosial akhlak di Ibu Kota Jakarta terdiri atas : fokus, matlamat (*goal*), faktor luaran, subfaktor luaran, faktor dalaman, subfaktor dalam, aktor (*stakeholders*), subaktor dan senario polisi (*policy scenario*). Pada senario polisi meliputi matlamat polisi, strategi dan program/aktiviti. Elemen-elemen tersebut menjadi pembentuk struktur hirarki penyusunan polisi pembangunan insan pada aspek sosial akhlak di Ibu Kota Jakarta.

Hasil ini bersesuaian dengan kajian pustaka pada bahasan sebelumnya dan berdasarkan hasil kajian terhadap keadaan semasa polisi pembangunan insan dari aspek sosial akhlak di ibu kota Jakarta, iaitu bahawa polisi yang disusun harus dapat menjawab keperluan masa kini dan cabaran masa depan. Kerananya harus berasaskan pada keadaan semasa secara apa adanya, baik menyangkut polisi mahupun hingga aspek teknik penyelenggaraan program/aktivitinya, serta memberikan gambaran keadaan masa depan masyarakat Jakarta yang diharapkan. Untuk itu, gambaran keadaan masa depan diwakili oleh unsur fokus dan matlamat (*goal*). Keadaan semasa diwakili oleh unsur faktor luaran seterusnya subfaktor luaran serta faktor dalaman seterusnya subfaktor dalaman. Keberadaan institusi sebagai *key stakeholders* penyusunan polisi

diwakili oleh unsur aktor dan subaktor (*stakeholders*). Sementara cadangan dalam polisi pembangunan insan aspek sosial akhlak diwakili oleh elemen/unsur scenario polisi, strategi hingga program aksinya.

Hasil kajian menemukan struktur hirarki penyusunan polisi pembangunan insan pada aspek sosial akhlak di Ibu Kota Jakarta terdiri atas 2 (dua) jenis struktur, yaitu struktur hirarki induk dan struktur hirarki bahagian. Struktur hirarki induk terdiri atas 9 (sembilan) aras yang dimulai dari aras pertama iaitu fokus dan berturutan hingga aras kesembilan; iaitu matlamat (*goal*), faktor luaran, subfaktor luaran, faktor dalaman, subfaktor dalam, aktor (*stakeholders*), subaktor dan hingga scenario polisi. Sementara, struktur hirarki bahagian terdiri atas 3 (tiga) aras yang dimulai dari aras pertama iaitu matlamat polisi dan berurutan hingga aras ketiga adalah strategi dan program/aktiviti.

Hasil ini sesuai dengan pengertian dan skop struktur hirarki menurut metodologi *Analytical Hierarchy Process*. Hirarki adalah abstrak struktur suatu sistem dengan tingkat-tingkat (aras) keputusan yang diklasifikasikan dengan beberapa elemen keputusan pada setiap tingkat keputusan. Kerana struktur hirarki ini untuk memilih alternatif polisi, strategi hingga program aksi, maka struktur hirarki ini memiliki bentuk yang tersusun dari suatu puncak (fokus utama/*ultimate goal*), turun pada tingkatan yang terdiri atas kriteria-kriteria dan sub-subkriteria (faktor dan subfaktor luaran serta faktor dan subfaktor dalaman) untuk mempertimbangkan berbagai alternatif tadi. Hirarki yang tersusun menggambarkan elemen sistem atau alternatif keputusan yang telah ditemukenali.

Hasil kajian ini juga menemukan bahawa penyusunan polisi pembangunan insan pada aspek sosial akhlak di Ibu Kota Jakarta dipengaruhi oleh faktor luaran dan faktor dalaman. Faktor luaran terdiri atas 4 (empat) isu strategik (sesuai peringkat

keberkesanan) iaitu (1) situasi dan keadaan politik yang relatif stabil dengan darjah keberkesanan 0.333, (2) situasi dan keadaan ekonomi yang belum sepenuhnya pulih dengan darjah keberkesanan 0.235, (3) situasi dan keadaan sosial budaya yang belum sepenuhnya pulih dengan darjah keberkesanan 0.224 serta (4) situasi dan keadaan teknologi maklumat dan komunikasi yang pesat dengan darjah keberkesanan 0.207. Faktor dalaman terdiri atas 3 (tiga) isu strategik (sesuai peringkat keberkesanan) iaitu (1) pengurusan program/aktiviti yang masih belum optimum dengan darjah keberkesanan 0.375, (2) standard pengaturan yang masih belum lengkap/menyeluruh dengan darjah keberkesanan 0.346 dan (3) sokongan dana, sarana prasarana yang masih belum memadai dengan darjah keberkesanan 0.279.

Secara keseluruhan pendapat daripada seluruh kategori responden hampir seimbang atau relatif sama dalam memberi nilai bobot atau darjah keberkesanan terhadap semua faktor luaran. Realiti ini menunjukkan bahawa semua faktor itu memiliki keberkesanan yang hampir sama sehingga semuanya penting untuk menjadi bahan pertimbangan dalam menyusun polisi pembangunan ini. Sekalipun – tentu – tetap ada prioriti yang menjadi rujukan pertimbangan.

Hal ini dapat difahami kerana seperti yang tercermin dalam pendapat responden atas kebersesuaian faktor-faktor luaran dengan keadaan masyarakat Jakarta semasa, semua faktor luaran diakui memiliki pengaruh terhadap keadaan masyarakat Jakarta saat ini. Hal ini jugalah yang membuat nilai darjah keberkesanan semua faktor luaran tidak terlalu berbeza jauh.

Pada faktor dalaman, ianya sama pada faktor luaran, secara keseluruhan pendapat dari seluruh kategori responden hampir berimbang terhadap semua faktor dalaman. Hal ini dapat difahami kerana seperti yang tercermin dalam pendapat responden atas kesesuaian faktor-faktor dalaman dengan situasi dan keadaan implementasi polisi - program pembangunan insan aspek sosial akhlak semasa, semua

faktor dalaman diakui memiliki pengaruh terhadap keadaan masyarakat Jakarta saat ini. Hal ini jugalah yang membuat nilai darjah keberkesanan semua faktor dalaman tidak terlalu berbeza jauh.

Seterusnya kajian menunjukkan institusi (dalam struktur hirarki disebut dengan istilah aktor/*stakeholders*) yang terlibat dalam pembangunan insan pada aspek sosial akhlak, termasuk dalam penyusunannya terdiri atas parlimen dan kerajaan serta masyarakat. Aktor parlimen dan kerajaan terdiri atas kategori subaktor gabenor berserta kaki tangannya, penagak hukum, dan parlimen. Sementara aktor masyarakat terdiri atas organisasi masyarakat/Lembaga Swadaya Masyarakat (*Non Government Organization*)/gerakan dakwah; ulama/tokoh budaya/tokoh masyarakat; ahli akademik/pakar/pengamat; dunia keusahawanan/profesi/institusi kewangan (bank/non bank); media masa (cetak/elektronik) dan masyarakat umum.

Hasil ini sesuai dengan keadaan semasa tentang pihak-pihak pemegang kepentingan (*stakeholders*) pembangunan insan aspek sosial akhlak. Proses penyusunan polisi menggambarkan keberadaan *key stakeholders* penyusunan polisi itu sendiri. Polisi umum adalah polisi yang dibuat oleh penguasa/pentadbir negara dan disusun untuk mengatur kehidupan bersama atau kehidupan masyarakat umum. Kerana itu, *key stakeholders*-nya akan melibatkan unsur kerajaan dan elemen-elemen masyarakat.

Kajian juga menemukan senario polisi (*policy scenario*) yang dicadangkan pada penyusunan polisi pembangunan insan pada aspek sosial akhlak di Ibu Kota Jakarta (sesuai peringkat keberkesanan) adalah (1) peningkatan kualiti pemahaman, penghayatan dan pengamalan agama Islam dengan darjah keberkesanan 0.413, (2) peningkatan kualiti pengurusan program/aktiviti dengan darjah keberkesanan 0.225, (3) penyediaan sarana dan prasarana mengikut keperluan dengan darjah keberkesanan

0.200, dan (4) penetapan dan penyempurnaan tata peraturan daerah dengan darjah keberkesanan 0.163.

Keempat senario polisi pembangunan insan aspek sosial-akhlak tersebut di atas memenuhi kriteria mampu menjawab keperluan semasa, menjawab cabaran masa depan dan memberikan prioriti-prioriti. Hal ini kerana polisi pembangunan insan menyentuh semua aspek kehidupan. Kesepaduan ini harus tercermin pada keadaan semasa dan juga pada senario polisi itu sendiri. Hal ini juga kerana senario polisi ini disusun dengan berasaskan pada keadaan semasa secara apa adanya, baik menyangkut polisi mahupun hingga aspek teknik penyelenggaraan program/aktivitinya, serta memberikan gambaran keadaan masa depan masyarakat Jakarta yang diharapkan.

Secara keseluruhan, penyusunan polisi pembangunan insan aspek sosial akhlak dapat dinyatakan telah memenuhi teori polisi pembangunan yang dinyatakan oleh Dwidjowijoto, Peterson, Anderson, Steward, Dye, Peters, Laswel dan Kaplan, dan Easton. Keempat senario polisi yang dihasilkan kajian ini juga memenuhi pengertian pembangunan modal insan sesuai dengan Islam, seperti yang dituliskan oleh Sidek bin Baba, sejalan dengan definisi Zakaria Stapa dan Atikullah Hj Abdullah dan Mohd Nizam bin Sahad.

### **5.3. Implikasi dan Cadangan**

Berdasarkan kepada penemuan hasil kajian yang telah dibincangkan, maka implikasi kajian dan cadangan dapatlah diringkaskan seperti berikut:

- (1) Kajian ini dilakukan terhadap responden pakar yang merupakan wakil dari unsur *key stakeholders* pembangunan insan aspek sosial akhlak di Ibu Kota Jakarta. Maka, sekalipun dapat dijadikan rujukan bagi daerah lain, hasil kajian tidak boleh

digeneralisasikan kepada daerah lain, kecuali memiliki ciri-ciri persamaan. Oleh itu adalah dicadangkan kajian yang serupa dilakukan untuk daerah lain.

- (2) Memandangkan kajian ini berbentuk kualitatif (*qualitative*), bersifat aplikasi ilmu (*applied*), dilakukan secara kajian kes (*case study*) dan dengan cara *interview* atau *face to face interview* di mana kaedah kajian terhad pada item-item yang digunakan melalui soal selidik serta dengan pendekatan *Purposive Sampling* dan menggunakan metode *Analytical Hierarchy Process* (AHP), adalah dicadangkan kajian lain yang dapat meneruskan secara lebih mendalam bagi memperoleh pelbagai aktiviti yang dapat dicadangkan berikut indikator atau penunjuk prestasinya dalam setiap periode tahunannya.
- (3) Memandangkan pentingnya polisi pembangunan insan aspek sosial akhlak bagi perbaikan masa depan masyarakat Ibu Kota Jakarta, adalah dicadangkan kepada pihak kerajaan untuk mengimplementasikan seluruh senario polisi (*policy scenario*) yang dihasilkan sesuai prioritinya, iaitu peningkatan kualiti pemahaman, penghayatan dan pengamalan agama Islam, (2) peningkatan kualiti pengurusan program/aktiviti, (3) penyediaan sarana dan prasarana mengikut keperluan, dan (4) penetapan dan penyempurnaan tata peraturan daerah.
- (4) Dicapadangkan kepada pihak kerajaan untuk menjadikan senario polisi (*policy scenario*) peningkatan kualiti pemahaman, penghayatan dan pengamalan agama Islam sebagai lokomotif bagi perubahan paradigma kehidupan masyarakat Jakarta agar bersesuaian dengan nilai-nilai dan norma agama Islam. Untuk itu, pihak kerajaan dicadangkan untuk mengoptimumkan peranan *Jakarta Islamic Centre* dalam rangka peningkatan kualiti pemahaman, penghayatan dan pengamalan agama Islam dengan 7 (tujuh) garis besar program/aktiviti yang diberikan untuk dilaksanakan oleh *Jakarta Islamic Centre*, iaitu :



- a. Penetapan dan penguatkuasaan peranan *Jakarta Islamic Centre* sebagai badan koordinator penyelenggaraan peningkatan kualiti pemahaman, penghayatan dan pengamalan agama Islam bagi kerajaan dan masyarakat ibu kota Jakarta.
- b. Pemberian nasihat/muhasabah kepada pihak kerajaan sebagai penyikapan atas situasi dan keadaan sosial politik kemasyarakatan semasa.
- c. Pengajian kesesuaian polisi awam (produk perundangan daerah) dengan syariah.
- d. Pemberian penyelesaian Islam atas setiap persoalan umat yang muncul.
- e. Pembinaan intensif keislaman untuk badan-badan keagamaan.
- f. Pembinaan intensif keislaman untuk kaki tangan kerajaan.
- g. Penyelenggaraan layanan informasi, komunikasi, pembujukan, media dan pembelaan tentang Islam dalam berbagai-bagai bentuknya sesuai keperluan untuk seluruh umat Islam Jakarta.